

MKN beri amaran awal persediaan hadapi banjir

Kota Bharu: Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan semalam, mengeluarkan amaran awal kepada penduduk di kawasan yang sentiasa dilanda banjir supaya bersedia untuk berpindah.

Setiausaha Keselamatan Negeri MKN, Mohamad Rosle Mamat, berkata ini berikutan amaran Jabatan Meteorologi yang mera-

malkan hujan lebat akan berlaku mulai hari ini hingga Selasa.

Perlu berhati-hati

"Penduduk di kawasan yang sentiasa dilanda banjir harus bersedia mulai sekarang untuk berpindah dan pada masa sama memastikan semua dokumen serta peralatan penting dalam kea-

daan selamat.

"Walaupun hujan sejak dua tiga hari lalu, sehingga kini belum ada sebarang pemindahan walaupun ada beberapa kawasan rendah sudah ditakungi air hujan," katanya.

Mengikut kenyataan Jabatan Meteorologi, hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana dijang-

ka berlaku di Kelantan membatikan daerah Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh dan Machang, mulai hari ini sehingga Selasa. Keadaan itu boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Hanya Sungai Golok di Rantau Panjang, jajahan Pasir Mas, mencatat paras lebih berjaga-jaga (7 meter) iaitu 7.61 meter pada jam 3 petang, berbanding 7.57 meter ketika 12 tengah hari semalam.

Pastikan keselamatan

Mohamad Rosle menasihatkan penduduk yang mencari rezeki sama ada di sungai atau laut supaya sentiasa bekerja secara

berteman atau berkumpul bagi memastikan keselamatan terjamin ketika berada di tempat berkenaan.

"Ibu mengandung juga diminta supaya berada di kediaman yang boleh memudahkan perkhidmatan kesihatan diberikan terutama ketika proses bersalin nanti dan lebih baik meminta nasihat doktor untuk tinggal di hospital," katanya.

Beliau menasihatkan ibu bapa supaya menjaga anak ketika musim ini dan mengawasi mereka dari bermain di tepi sungai, tali air, paya atau kawasan air bertakung bagi mengelak kejadian lemas.